

KENDERAAN CEKAP TENAGA (EEV)


Dasar *Energy Efficient Vehicles* (EEV) merupakan salah satu halatuju di bawah Dasar Automotif Negara (NAP) 2014 dimana untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat atau hab automotif serantau bagi kenderaan EEV.

EEV adalah ditafsirkan sebagai sesebuah kenderaan motor yang telah mematuhi spesifikasi carbon emission (g/km) dan fuel consumption (l/100 km) di bawah NAP 2014 termasuk *fuel efficient vehicles, hybrids, electric vehicle* serta *alternatively-fuelled vehicles* iaitu *CNG, LPG, Biodiesel, Ethanol, Hydrogen* dan *Fuel Cell*.

Bagi model kenderaan yang telah mendapat pengiktirafan sebagai EEV adalah **layak untuk dipertimbangkan memperolehi customised incentive daripada pihak MITI** berdasarkan ketetapan di dalam NAP 2014.

Pihak MITI turut telah menetapkan **JPJ perlu menjalankan ujian pengesahan EEV berdasarkan Peraturan UN R101** dan mengemukakan sijil pengesahan EEV dan laporan pengujian kepada pihak MITI;

Pihak MITI / MAI turut akan membangunkan pengkalan data bagi tujuan analisis dan rujukan serta pengeluaran sijil / surat kelulusan EEV secara sistematik.



Spesifikasi carbon emission (g/km) dan fuel consumption (l/100 km) yang ditetapkan di bawah NAP 2014 adalah seperti berikut :-

a) Kenderaan Penumpang dan Perdagangan

SEGMENT	BUTIRAN	BERAT KENDERAAN (KG)	PENGGUNAAN BAHAN BAKAR (L/100KM)
A	Micro Car	< 800	4.5
	City Car	801 - 1000	5.0
B	Super Mini Car	1001 - 1250	6.0
C	Small Family Car	1251 - 1400	6.5
D	Large Family Car	1401 - 1550	7.0
	Compact Executive Car		
E	Executive Car	1550 - 1800	9.5
F	Luxury Car	1801 - 2050	11.0
J	Large 4x4	2051 - 2350	11.5
Others	Others	2351 - 2500	12.0

b) Kenderaan dua (2) Tayar iaitu motosikal

SAIZ ENJIN (cc)	PENGGUNAAN BAHAN BAKAR (L/100KM)
50 - 100	2.0
101 - 150	2.2
150 - 200	2.5
201 - 250	3.0